**SOALAN LAZIM**
**KEMPEN PEWARISAN ASNB 2022**
**(“Kempen”)**

**[DIKEMASKINI PADA 1 OKTOBER 2022]**

<table>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Apakah “Kempen Pewarisan ASNB 2022”?</td><td>Kempen ini bertujuan menggalakkan pemegang-pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun dan ke atas untuk melanggan perkhidmatan perkhidmatan Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah, juga dikenali sebagai Pewarisan ASNB sebagai instrumen perancangan harta pusaka bagi memudahkan waris membuat tuntutan selepas ketiadaan mereka.<br><br>Permohonan perkhidmatan Pewarisan ASNB boleh dibuat seperti berikut:<br>(i) Permohonan dengan pra-daftar dalam talian di portal myASNB, atau<br>(ii) Permohonan terus di cawangan ASNB<br><br>[Peserta boleh rujuk Soalan Lazim no. 9 dan 11 untuk penjelasan mengenai proses permohonan.]</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Apakah promosi yang ditawarkan sepanjang Kempen ini?</td><td>Pemegang unit ASNB yang memenuhi kriteria Kempen ini akan menikmati tawaran berikut yang akan diberikan kepada Peserta yang melakukan pra-daftar dalam talian atau permohonan terus di cawangan ASNB dan pemprosesan Pewarisan ASNB harus dilakukan dan diselesaikan dalam Tempoh Kempen.<br><br>
<table>
<tr><th colspan="2">Penerangan</th><th>Yuran Pendaftaran</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB</td><td>RM100</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dan ke atas dalam satu transaksi dalam mana-mana tabung unit amanah ASNB Harga Tetap atau Harga Berubah</td><td>Percuma</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bilakah Tempoh Kempen?</td><td>Kempen akan bermula pada 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Siapa yang layak untuk menyertai Kempen ini</td><td>Kempen ini terbuka kepada yang berikut:<br>(i) Pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur 18 tahun ke atas.<br>(ii) Memenuhi kelayakan melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB.<br>(iii) Peserta belum lagi pernah mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB</td></tr>
</table>

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 5 | **Apakah kriteria untuk menyertai Kempen ini?** | 1. Peserta adalah pemegang unit ASNB yang mempunyai sekurang-kurangnya salah satu daripada tabung unit amanah ASNB;<br><br>2. Perlu mengekalkan baki minima 1,000 unit (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim Pelaburan Ahli KWSP) di dalam tabung unit amanah ASNB yang Peserta merancang untuk mendaftar di bawah Pewarisan ASNB;<br><br>3. Perlu menyerahkan dokumen lengkap permohonan Pewarisan ASNB (rujuk Soalan Lazim no. 9 dan 11) ke mana-mana cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen.<br><br>4. Bagi Peserta yang membuat pelaburan dalam tabung unit amanah ASNB Harga Tetap atau Harga Berubah, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:-<br>(i) Pelaburan mesti dibuat dalam mana-mana akaun tabung tabng unit amanah ASNB Peserta sendiri dengan jumlah pelaburan minima sebanyak RM20,000 dan ke atas dalam <u>satu transaksi</u>;<br>(ii) Pelaburan adalah dalam bentuk tunai, pindahan dari akaun bank atau cek (tidak termasuk penukaran dan pemindahan tabung unit amanah);<br>(iii) Pelaburan dibuat melalui salah satu platform pelaburan (‘‘Platform”) berikut:<br>a) Kaunter cawangan ASNB dan ejen-ejen ASNB<br>b) portal myASNB (www.myasnb.com.my) atau aplikasi mudah alih<br>c) Perbankan Internet ejen-ejen ASNB<br>d) mesin Automated Teller Machine (“ATM”) / Self Service Terminal (“SST”) ejen-ejen ASNB<br>e) Skim Potangan Gaji (“SPG”) (Kerajaan dan syarikat swasta)<br>f) Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional<br>g) Mesin kiosk di cawangan ASNB yang terlibat<br>(iv) Pelaburan yang dibuat oleh Peserta mestilah berjaya dikreditkan ke dalam akaun ASNB Peserta ketika penyerahan dokumen yang lengkap dihantar di cawangan ASNB;<br>(v) Jika terdapat jualan balik dilakukan oleh Peserta daripada mana-mana tabung unit amanah ASNB sebelum dan pada masa penyerahan dokumen lengkap permohonan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB, Peserta tidak layak untuk mendapat Tawaran Kempen;<br><br>*[Peserta digalakkan membaca Terma & Syarat untuk memahami mekanisme Kempen ini.]* |

<table>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>6</td><td>Bolehkah saya menyertai Kempen ini jika saya belum mempunyai akaun ASNB?</td><td>Tidak boleh. Anda perlu membuka akaun ASNB terlebih dahulu.<br><br>Anda boleh membuka akaun unit amanah ASNB di mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB atau membuat pendaftaran secara atas talian melalui aplikasi myASNB. Dokumen yang diperlukan ialah kad pengenalan anda.</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Saya bukan pengguna berdaftar portal myASNB, bagaimana saya boleh menyertai Kempen ini?</td><td>1. Sekiranya anda ingin melakukan pra-daftar dalam talian untuk Pewarisan ASNB, anda perlu mendaftar sebagai pengguna portal myASNB sebelum anda dapat melaksanakan pra-daftar dalam talian.<br><br>Bagi pemegang unit ASNB sedia ada, anda perlu memastikan bahawa anda telah mengemas kini nombor telefon bimbit anda di mana-mana cawangan ASNB atau Ejen sebelum mendaftar akaun portal myASNB.<br><br>2. Anda juga boleh mendaftar untuk Pewarisan ASNB secara terus di cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Saya mempunyai unit amanah ASB dan ASN Sara 1. Saya telah mendaftar HA/PA untuk ASB saya. Saya ingin menyertai Kempen ini dan mendaftar HA/PA untuk ASN Sara 1 saya. Adakah saya layak untuk tawaran Kempen?</td><td>Tidak layak. Kempen ini hanya untuk permohonan pendaftaran Pewarisan ASNB yang baharu sahaja.<br><br>Pemegang unit boleh membuat tambahan tabung unit amanah ke kontrak sedia ada ataupun mendaftar kontrak tambahan di cawangan ASNB.<br><br>Sila rujuk laman web ASNB untuk maklumat lanjut.</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Setelah saya membuat pra-daftar dalam talian untuk Pewarisan ASNB melalui portal myASNB, adakah proses pendaftaran sudah selesai?</td><td>Belum selesai.<br><br>Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk melengkapkan proses permohonan Pewarisan ASNB:<br><br>
<table>
<tr><th>Proses</th><th>Penerangan</th></tr>
<tr><td>Langkah 1</td><td>Lengkapkan pra-daftar dalam talian di portal myASNB di www.myasnb.com.my</td></tr>
<tr><td>Langkah 2</td><td>▪ Cetak dan lengkapkan dokumen berikut:<br>(i) Surat Kuasa Wakil<br>(ii) Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima dan saksi yang telah disahkan benar dari salinan asal<br>(iii) Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (Aqad) yang telah ditandatangani oleh pemberi Hibah, penerima Hibah dan saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)</td></tr>
<tr><td>Langkah 3</td><td>▪ Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 dan lengkapkan pendaftaran di cawangan ASNB dalam tempoh 90 hari dari tarikh penghantaran pra-daftar dalam talian. Sekiranya penyerahan ke</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td></td><td>cawangan ASNB dilakukan selepas 90 hari, Peserta perlu melakukan semula pra-daftar dalam talian.<br>▪ Sekiranya Peserta layak untuk menerima yuran pendaftaran percuma, Peserta disarankan membawa bukti pelaburan seperti berikut untuk memudahkan proses permohonan:-<br>(i) Salinan borang pelaburan tambahan atau salinan cetak<br>(ii) “Screenshot” slip transaksi atau notis SMS bagi pelaburan melalui online/ATM</td></tr>
</table>
Nota: 1. Peserta dinasihatkan membuat janji temu melalui laman web ASNB di www.asnb.com.my.<br>2. Penyerahan dokumen lengkap mesti dilakukan semasa Tempoh Kempen dari 1 Oktober 2022 – 31 Disember 2022 untuk layak menerima Tawaran Kempen.<br>3. Borang PH1A / PH1B dan Surat Kuasa Wakil boleh dimuat turun dari laman web ASNB (www.asnb.com.my).
</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Apa yang akan berlaku sekiranya dokumen lengkap diserahkan ke cawangan ASNB selepas 90 hari dari serahan secara dalam talian?</td><td>Pra-daftar dalam talian tersebut tidak sah. Peserta perlu melakukan semula proses pra-daftar dalam talian tersebut.</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Bolehkah saya mendaftar Pewarisan ASNB secara terus di cawangan ASNB dan tidak membuat pra-daftar dalam talian di portal myASNB?</td><td>Boleh. Peserta dinasihatkan membuat janji temu melalui laman web ASNB di www.asnb.com.my.<br><br>Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk melengkapkan proses permohonan Pewarisan ASNB:<br>
<table>
<tr><th>Proses</th><th>Penerangan</th></tr>
<tr><td>Langkah 1</td><td>▪ Hadir ke cawangan ASNB berdekatan.</td></tr>
<tr><td>Langkah 2</td><td>▪ Cetak dan lengkapkan dokumen berikut:<br>(i) Borang Permohonan PH1A / PH1B<br>(ii) Surat Kuasa Wakil<br>(iii) Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima dan saksi yang telah disahkan benar dari salinan asal<br>(iv) Borang Lafaz Pemberian dan enerimaan Harta Hibah PH1A(A) (Aqad) yang telah ditandatangani oleh pemberi Hibah, penerima Hibah dan saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)</td></tr>
<tr><td>Langkah 3</td><td>▪ Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 untuk melengkapkan proses permohonan.<br>▪ Sekiranya Peserta layak untuk menerima yuran pendaftaran percuma, Peserta disarankan membawa bukti pelaburan seperti berikut untuk memudahkan proses permohonan:-<br>(i) Salinan borang pelaburan tambahan atau salinan cetak<br>(ii) “Screenshot” slip transaksi atau notis SMS bagi pelaburan melalui online/ATM</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | *Nota: 1. Peserta dinasihatkan membuat janji temu melalui laman web ASNB di www.asnb.com.my.*<br>*2. Penyerahan dokumen lengkap mesti dilakukan semasa Tempoh Kempen dari 1 Oktober 2022 – 31 Disember 2022 untuk layak menerima Tawaran Kempen.*<br>*3. Borang PH1A / PH1B dan Surat Kuasa Wakil boleh dimuat turun dari laman web ASNB (www.asnb.com.my).* |
| 12 | **Bolehkah saya membuat pelaburan yang lebih rendah daripada jumlah minima yang dinyatakan bagi tabung unit amanah Harga Berubah/Harga Tetap dan memohon Pewarisan ASNB?** | Boleh. Walau bagaimanapun, anda tidak layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma.<br><br>Anda akan layak untuk tawaran Kempen diskaun yuran pendaftaran berjumlah RM100. |
| 13 | **Saya membuat pelaburan berjumlah RM20,000 dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah berjumlah pada bulan September. Saya menyerahkan dokumen yang lengkap Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan di cawangan ASNB pada bulan October. Adakah saya layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma Pewarisan ASNB?** | Anda tidak layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma untuk Pewarisan ASNB kerana pelaburan dilakukan sebelum Tempoh Kempen.<br><br>Walau bagaimanapun, anda akan layak untuk tawaran Kempen diskaun yuran pendaftaran berjumlah RM100. |
| 14 | **Saya membuat pelaburan dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah berjumlah RM30,000 dalam tiga transaksi. Adakah saya layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma Pewarisan ASNB?** | Anda layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma untuk Pewarisan ASNB jika salah satu daripada tiga transaksi itu memenuhi syarat jumlah pelaburan minima RM20,000. |
| 15 | **Saya membuat pelaburan minima RM30,000 dalam salah satu tabung unit amanah Harga Tetap/ Harga Berubah pada bulan Okttober. Pada 12 November, saya menyerahkan dokumen yang lengkap Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan di cawangan ASNB. Pada 19** | Anda layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma untuk Pewarisan ASNB kerana jualan balik dibuat selepas penyerahan permohonan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB.<br><br>Rujuk Soalan Lazim no. 5 untuk penjelasan mengenai jualan balik.<br><br>*[Peserta digalakkan membaca Terma & Syarat untuk memahami mekanisme Kempen ini.]* |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | **November, saya membuat jualan balik dari salah satu tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah saya. Adakah saya layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma Pewarisan ASNB?** | |
| 16 | **Saya membuat pelaburan minima RM30,000 dalam salah satu tabung unit amanah Harga Tetap/ Harga Berubah pada bulan Oktober. Pada 5 November, saya membuat jualan balik dari salah satu tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah saya. Pada 28 November saya menyerahkan dokumen lengkap permohonan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB. Adakah saya layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma Pewarisan ASNB?** | Anda tidak layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma untuk Pewarisan ASNB kerana jualan balik telah dibuat sebelum penyerahan permohonan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB.<br><br>Walau bagaimanapun, anda layak menerima tawaran Kempen diskaun yuran pendaftaran berjumlah RM100.<br><br>Rujuk Soalan Lazim no. 5 untuk penjelasan mengenai jualan balik.<br><br>*[Peserta digalakkan membaca Terma & Syarat untuk memahami mekanisme Kempen ini.]* |
| 17 | **Bolehkah saya menyerahkan dokumen Pewarisan ASNB yang telah dilengkapkan di cawangan Ejen ASNB?** | Pada masa ini, hanya cawangan Maybank sahaja boleh melaksanakan transaksi pendaftaran Pewarisan ASNB.<br><br>Walau bagaimanapun, promosi Kempen untuk Pewarisan ASNB hanya sah di cawangan ASNB sahaja. |
| 18 | **Bilakah saya akan menerima kontrak Pewarisan ASNB saya setelah serahan dokumen lengkap dan pembayaran yuran dibuat?** | Pemegang unit akan menerima kontrak Pewarisan ASNB melalui pos di antara 30 hari hingga 60 hari dari tarikh serahan dibuat di cawangan ASNB. Dokumen tersebut akan di pos ke alamat pemegang unit yang telah didaftarkan di ASNB.<br><br>Pemegang unit juga boleh memohon untuk mengambil sendiri di cawangan ASNB di mana penyerahan dokumen lengkap dibuat. Bagi pengambilan sendiri oleh pemegang unit, cawangan ASNB akan menghubungi pemegang unit berkenaan. |
| 19 | **Siapa yang harus saya hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut?** | Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 -7730 8899 atau e-mel ke asnbcare@pnb.com.my |